

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (5)

**Surah al-Baqarah
Ayat 53-64**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٠﴾ وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يُقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَى بَارِيكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ عِنْدَ بَارِيكُمْ ۖ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٥١﴾ وَإِذْ قُلْتُمْ بِمُوسَى لَنْ نُؤْمِنَ بِكَ حَتَّى نَرَى اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّيْقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٢﴾

Dan (kenangilah) ketika Kami kurniakan kepada Musa Al-Kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan), supaya kamu mendapat petunjuk.¹⁰⁶ [53]

¹⁰⁶ Di dalam ayat ini Allah menyebutkan satu sahaja sifat Kitab Taurat dan satu sahaja tujuan ia dikurniakan kepada Nabi Musa a.s. Di dalam ayat-ayat di bawah ini anda akan mendapat beberapa lagi sifat dan tujuan Kitab Taurat itu:

ثُمَّ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ تَمَامًا عَلَى الَّذِي أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ بِلِقَاءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Kemudian (ketahuilah pula bahawa) Kami telah memberikan kepada (Nabi) Musa Kitab Taurat untuk menyempurnakan (ni`mat Kami) kepada orang yang telah berbuat baik (menjalankan ajaran Kitab itu iaitu Nabi Musa), dan untuk menerangkan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat, supaya mereka beriman kepada pertemuan dengan Tuhan mereka (pada hari akhirat kelak). (al-An`aam:154).

أَفَمَنْ كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ وَمِنْ قَبْلِهِ كُتِبَ مُوسَىٰ إِمَامًا وَرَحْمَةً أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ مِنَ الْأَحْزَابِ فَالِقَارُ مَوْعِدُهُ ۚ فَلَا تَكُ فِي مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ الْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۚ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٤﴾

Bermaksud: Apakah (orang-orang kafir itu sama dengan) orang-orang yang mempunyai bukti yang nyata (Al-Qur`an) dari Tuhannya, dan diikuti pula oleh seorang saksi (Muhammad) dari Allah **dan sebelum Al-Qur`an itu telah ada Kitab Musa yang menjadi pedoman dan rahmat?** Mereka itu beriman kepada Al-Qur`an. Dan sesiapa di antara mereka (orang-orang Quraisy) dan sekutu-sekutunya yang kafir kepada Al-Qur`an, maka nerakalah dijanjikan menjadi tempatnya. Oleh itu janganlah engkau ragu-ragu terhadap Al-Qur`an itu. Sesungguhnya (Al-Qur`an) itu benar-benar dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak percaya kepadanya. (Huud:17).

وَأَتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَجَعَلْنَاهُ هُدًى لِّبَنِي إِسْرَءِيلَ ۖ أَلَّا تَتَّخِذُوا مِن دُونِي وَكِيلًا ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Dan Kami telah mengurniakan kepada (Nabi) Musa Kitab Taurat dan Kami jadikan Kitab itu petunjuk bagi Bani Israil (serta Kami perintahkan mereka): Janganlah kamu jadikan yang lain daripadaKu sebagai Tuhan (untuk menyerahkan urusanmu kepadanya). (al-Israa':2).

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami mengurniakan Kitab Taurat kepada Musa, agar mereka (Bani Israil) mendapat petunjuk. (al-Mu`minun:49).

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْهُدًى وَأَوْرَثْنَا بَنِي إِسْرَءِيلَ الْكِتَابَ ﴿٥٧﴾ هُدًى وَذِكْرًا لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٨﴾

Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya dirimu sendiri kerana perbuatanmu menyembah patung anak lembu itu.¹⁰⁷ Oleh itu bertaubatlah kepada Allah yang

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengurniakan kepada (Nabi) Musa petunjuk dan Kami wariskan Kitab Taurat kepada Bani Israil (53) untuk menjadi petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berfikir. (54). (Ghaafir:53-54).

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَارُونَ الْفُرْقَانَ وَضِيَاءَ وَذِكْرًا لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٥٤﴾

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberi kepada (Nabi) Musa dan (Nabi) Harun Kitab (Taurat) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah dan yang menjadi cahaya yang menerangi, serta yang mengandungi pengajaran bagi orang-orang yang mahu bertaqwa. (al-Ambiyaa’:48).

¹⁰⁷ Tidak disebut di sini daripada apakah patung anak lembu itu diperbuat. Tetapi Allah ada menyebut tentangnya pada beberapa tempat di dalam Al-Qur’an. Perhatikan firman Allah di bawah ini:

وَاتَّخَذَ قَوْمُ مُوسَىٰ مِنۢ بَعْدِهِ مِنۢ حُلِيِّهِمْ عِجْلًا جَسَدًا لَهُۥ خُورٌ أَلَمۡ يَرَوْا أَنَّهُۥ لَا يَكْلِيهِمْ وَلَا يَهْدِيهِمْ سَبِيلًا اتَّخَذُوهُ وَكَانُوا ظَالِمِينَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Dan kaum (Nabi) Musa, setelah kepergiannya (ke Gunung Tursina), mereka membuat dari barang-barang emas perhiasan mereka, (patung) anak lembu yang bertubuh dan bersuara. (Allah berfirman): Tidakkah mereka mengetahui bahawa patung itu tidak dapat berbicara dengan mereka dan tidak dapat juga menunjukkan jalan kepada mereka? Mereka menjadikannya (berhala yang disembah) dan sememangnya mereka adalah orang-orang yang zalim. (al-A’raaf:148).

قَالُوا مَا أَخْلَقْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلِكِنَا وَلَكِنَّا حَمَلْنَا أُورَارًا مِّنۢ زِينَةِ الْقَوْمِ فَقَذَفْنَاهَا فَكَذَٰلِكَ أَلْقَى السَّامِرِيُّ ﴿٥٦﴾ فَأَخْرَجَ لَهُمۡ عِجْلًا جَسَدًا لَهُۥ خُورٌ فَقَالُوا هَٰذَا إِلَٰهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ فَنَسِيَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Mereka menjawab: “Kami tidak menyalahi janji kami kepadamu itu dengan kuasa dan ikhtiar kami, tetapi kami telah dibebankan membawa barang-barang perhiasan orang-orang (Mesir) itu, supaya kami mencampakkannya ke dalam api lalu kami melakukan yang demikian, maka demikianlah juga “Samiri” mencampakkan apa yang dibawanya. (87)

Kemudian Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari leburan barang-barang itu) patung seekor anak lembu yang bertubuh lagi bersuara, lalu mereka berkata: “Inilah tuhanmu dan tuhan Musa, tetapi Musa telah lupa!” (88) (Thaha:87-88).

Orang-orang yang terlibat dalam penyembahan patung anak lembu itu tidak terlepas begitu sahaja. Mereka dimurkai Allah dan menjadi hina dalam kehidupan di dunia dengan dihukum bunuh. Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ سَبِيلًا لَّهُمۡ غَضَبٌ مِّنۢ رَبِّهِمْ وَذِلَّةٌ فِي الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُفْتَرِينَ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang menyembah (patung) anak lembu itu, akan ditimpa kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan dunia ini.

menciptakanmu dan bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu.¹⁰⁸

Tindakan itu lebih baik kepadamu di sisi Allah Pencipta kamu. Lalu Allah menerima taubatmu. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.”¹⁰⁹ [54]

Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” Maka kamu disambar petir, sedang kamu sendiri melihat (peristiwa itu).¹¹⁰ [55]

Demikianlah kami membalas orang-orang yang mengada-adakan perkara yang tidak benar. (al-A`raaf: 152).

¹⁰⁸ Firman Allah فَاَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ bukan berarti bunuhlah dirimu sendiri, tetapi ia berarti bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu atau hendaklah sebahagian dari kamu membunuh sebahagian yang lain. Penggunaan perkataan أَنْفُسَكُمْ dengan erti seperti ini ada digunakan pada tempat lain di dalam Al-Qur'an. Sila lihat firman Allah berikut sebagai contohnya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ وَلَا تَخْرُجُونَ أَنْفُسَكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنْتُمْ شَاهِدُونَ ﴿٨٤﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian dengan kamu, iaitu kamu tidak boleh menumpahkan darah sesama kamu (membunuh orang), dan kamu tidak boleh mengusir satu sama lain dari kampung halamanmu, kemudian kamu berikrar (akan mematuhi) dan kamu sendiri menjadi saksi. (al-Baqarah:84).

¹⁰⁹ Sebahagian daripada Bani Israil yang bersalah menyesali perbuatan mereka, lalu mereka bertaubat dengan sungguh-sungguh dan Allah menerima taubat mereka. Allah berfirman:

وَلَمَّا سَقَطَ فِي أَيْدِيهِمْ وَرَأَوْا أَنَّهُمْ قَدْ ضَلُّوا قَالُوا لَئِنْ لَمْ يَرْحَمْنَا رَبُّنَا وَيَغْفِرْ لَنَا لَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Bermaksud: Dan setelah mereka menyesali (apa yang mereka lakukan) dan mengetahui bahawa mereka telah sesat, berkatalah mereka: Sesungguhnya jika Tuhan kami tidak memberi rahmat kepada kami dan mengampunkan kami, nescaya menjadilah kami orang-orang yang rugi. (al-A`raaf: 149).

¹¹⁰ Peristiwa ini disebutkan juga pada firman Allah di dalam Surah an-Nisaa' ayat 153. Berdasarkan ayat itu dapat difahami bahawa penyembahan berhala oleh mereka berlaku lama setelah peristiwa mereka mencabar Musa supaya menunjukkan Allah kepada mereka secara terang-terangan, sehingga mereka dapat melihatNya dengan mata kepala. Dari itu dapat disimpulkan bahawa apa yang tersebut di dalam Surah al-Baqarah ini bukan menggambarkan tertib sebenar. Ia hanya sekadar menyebutkan ni`mat-ni`mat Allah kepada mereka semata-mata. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

ثُمَّ بَعَثْنَاكَ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾ وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ۖ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾ وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا وَادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطِيئَتَكُمْ ۖ وَسَنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾ فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الذِّيقِ قِيلَ لَهُمْ فَأَنزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رِجْزًا مِنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pengsan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur.¹¹¹ [56]

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَنْ تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِنَ السَّمَاءِ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَىٰ أَكْبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ الصَّاعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ثُمَّ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ أَلْبَيِّنَاتُ فَعَفَوْنَا عَنْ ذَلِكَ وَإِنَّا لَمُسْلِمُونَ ﴿١٧٢﴾

Bermaksud: Ahli Kitab (kaum Yahudi) meminta kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menurunkan kepada mereka sebuah Kitab dari langit. (Janganlah engkau merasa pelik, kerana) Sesungguhnya mereka telah meminta kepada (Nabi) Musa lebih besar dari itu. Mereka berkata: “(Wahai Musa) perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata (supaya kami dapat melihatNya dan percaya kepadaNya).” Maka mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka (menderhaka kepada Allah); kemudian mereka menyembah (patung) anak lembu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (mu’jizat), lalu Kami maafkan mereka dari perbuatan yang sedemikian itu (apabila mereka bertaubat), dan Kami telah memberi kepada (Nabi) Musa kekuasaan yang nyata (untuk mengalahkan kaum yang kafir itu). (an-Nisaa’:153).

¹¹¹ Ini berlaku setelah Nabi Musa merayu kepada Allah dan memohon keampunanNya untuk mereka. Lihat firman Allah berikut:

وَاخْتَارَ مُوسَىٰ قَوْمَهُ سَبْعِينَ رَجُلًا لِّيَفْقِيَئُوا فَلَئِمَّا أَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُمْ مِنْ قَبْلِ وَابِيِّ أَنَّهُلَكُنَا بِمَا فَعَلَ السُّفَهَاءُ مِنَّا إِنْ هِيَ إِلَّا فِتْنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَنْ تَشَاءُ وَتَهْدِي مَنْ تَشَاءُ أَنْتَ وَلِيُّنَا فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

Bermaksud: Dan Nabi Musa memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya (untuk di bawa bersama ke Gunung Tursina) pada waktu yang telah kami tentukan. Maka ketika mereka digegar oleh gempa, Nabi Musa merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki, Engkau boleh binasakan mereka bersama-sama denganku sebelum ini. Adakah Engkau hendak membinasakan kami disebabkan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh di antara kami? (Apa yang mereka telah lakukan) itu hanyalah cubaanMu. Dengan cubaan itu Engkau sesatkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau beri petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau jualah Pelindung kami; oleh itu ampunkanlah kami dan berilah

rahmat kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi ampun. (al-A'raaf:155).

Soal manusia yang telah mati dihidupkan kembali oleh Allah di dunia ini, itu telah berlaku beberapa kali dalam sejarah. Al-Qur'an telah merakamkan beberapa peristiwa di mana Allah telah menghidupkan kembali manusia yang telah mati untuk beberapa ketika, kemudian mematikannya. Hakikat ini dapat dilihat pada beberapa firman Allah di bawah ini:

أَلَمْ تَر إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang keluar dari kampung halaman mereka, sedangkan mereka beribu-ribu orang kerana takut mati; lalu Allah berfirman kepada mereka: "Matilah kamu!", kemudian Allah menghidupkan mereka kembali. Sesungguhnya Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak terhadap manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur. (al-Baqarah:243).

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّى يُحْيِي هَٰذِهِ اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا فَأَمَاتَهُ اللَّهُ مِائَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُ قَالَ كَمْ لَبِثْتُ قَالَ لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالَ بَلْ لَبِثْتُ مِائَةَ عَامٍ فَانْظُرْ إِلَى طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهْ وَانْظُرْ إِلَى حِمَارِكَ وَلِتَجْعَلَكَ آيَةً لِلنَّاسِ وَانْظُرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِزُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ قَالَ أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Atau apakah (kamu tidak memperhatikan) orang yang melalui suatu negeri yang (segala bangunannya) telah roboh. Lalu dia berkata: "Bagaimana Allah menghidupkan kembali negeri ini setelah hancur (begini)?" Maka Allah mematikannya selama seratus tahun, kemudian menghidupkannya kembali. Allah bertanya: "Berapakah lama engkau tinggal di sini?" Jawabnya: "Saya tinggal di sini sehari atau setengah hari." Allah berfirman: "Sebenarnya engkau tinggal di sini selama seratus tahun; lihatlah kepada makanan dan minumanmu yang belum lagi berubah; dan lihatlah pula keledaimu (yang telah menjadi tulang belulang); Kami hendak menjadikan engkau suatu bukti kekuasaan Kami kepada manusia; dan lihatlah kepada tulang belulang keledai itu, bagaimana Kami menyusunnya kembali, kemudian Kami membalutnya dengan daging." Setelah ternyata (hakikat ini) kepadanya, dia pun berkata: "(Sekarang) Aku yakin (dengan sepenuh hati) bahawa Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu." (al-Baqarah:259).

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَرَأْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٦﴾ فَقُلْنَا أَصْرَبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia lalu kamu saling tuduh menuduh tentang pembunuhan itu. Padahal Allah hendak menyingkapkan rahsia (pembunuh) yang disembunyikan oleh kamu. (72)

Lalu Kami berfirman: "Pukullah si mati dengan sebahagian anggota lembu betina (yang disembelih) itu!" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup).

Dan Kami telah menaungimu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepadamu “Manna” dan “Salwa”, (lalu Kami berfirman): Makanlah makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepadamu dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan mengkufuri ni`mat itu), tetapi sebenarnya mereka menganiaya diri sendiri.¹¹² [57]

Demikianlah Allah menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepadamu tanda-tanda kekuasaanNya supaya kamu memahaminya. (73) (al-Baqarah:72-73).

¹¹² Menerusi ayat ini Allah menyebutkan dua lagi ni`mat besar yang telah dikurniakanNya kepada Bani Israil. Dua ni`mat ini juga patut dikenang mereka sampai ke anak cucu. Di dalam ayat ke-160 Surah al-A`raaf disebutkan juga dua ni`mat itu di samping punca air yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka di perantauan. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

وَقَطَّعْنَاهُمْ أَثْنَتَيْ عَشْرَةَ أَسْبَاطًا أُمَمًا وَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى إِذِ اسْتَسْقَاهُ قَوْمُهُ أَنْ أَضْرِبَ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْبَجَسَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشْرِبَهُمْ وَظَلَّلْنَا عَلَيْهِمُ الْغَمَمَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَى كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

Bermaksud: Kami membahagikan mereka (Bani Israil) menjadi dua belas suku, sebagai golongan-golongan besar, dan Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu.” Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air. Tiap-tiap golongan (di antara mereka) mengetahui tempat masing-masing dan Kami naungi mereka dengan awan dan Kami turunkan kepada mereka “Manna” dan “Salwa”. (lalu Kami berfirman): Makanlah makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepadamu dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan mengkufuri ni`mat itu), tetapi sebenarnya mereka menganiaya diri sendiri. (al-A`raaf:160).

Firman Allah di dalam Surah Thaha ayat 80-81 pula menyatakan kawasan di mana mereka mendapat semua ni`mat tersebut dan bilakah ia berlaku. Lihat firman Allah berkenaan:

يَبْنَئِي إِسْرَءِيلَ قَدْ أَنجَيْنَاكَ مِنْ عَذْرِكَمْ وَوَعَدْنَاكَ جَانِبَ الطُّورِ الْأَيْمَنِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَى ﴿٨٠﴾ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَلَا تَطْغَوْا فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي وَمَنْ يَحِلَّ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾

Bermaksud: Wahai Bani Israil! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkanmu dari musuhmu, dan Kami telah janjikan kamu (dengan memberi wahyu kepada Nabi Musa) di sebelah kanan Gunung Sinai itu dan kami turunkan kepadamu “Manna” dan “Salwa”, (80)

Serta Kami katakan: Makanlah dari benda-benda yang baik yang Kami kurniakan kepadamu dan janganlah kamu melampaui batas padanya, kerana dengan yang demikian kamu akan ditimpa kemurkaanKu dan sesiapa yang ditimpa kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah ia. (81).

Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman: “Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul Maqdis), kemudian makanlah di sana apa sahaja makanan yang kamu suka dengan mewah dan masuklah melalui pintunya dengan tunduk (merendahkan diri)¹¹³ dan berdoalah (dengan) berkata: “Ya Allah ampunilah kesalahan

Firman Allah di hujung ayat ke-57 iaitu “dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan mengkufuri ni`mat itu), tetapi sebenarnya mereka menganiaya diri sendiri”, mengisyaratkan kepada apa yang tersebut di dalam ayat ke-61 akan datang. Lihat ayat berkenaan terlebih dahulu:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمُوسَىٰ لَنْ نُّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُثْمِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِيهَا وَبَصِلَهَا ۖ قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ۚ أَهَيْطُوا مِصْرًا ۖ إِنَّ لَكُمْ مَّا سَأَلْتُمْ ۖ وَضَرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Bermaksud: Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: Wahai Musa, kami tidak tahan lagi makan sejenis makanan sahaja; kerana itu pohonlah kepada Tuhanmu untuk kami, agar Dia mengeluarkan untuk kami tumbuh-tumbuhan bumi berupa sayur-sayurannya, mentimunnya, gandumnya, kacang dalnya dan bawangnya.” Jawab Musa: Adakah kamu mahu menukarkan kehidupan yang hina dengan kehidupan yang lebih baik? Pergilah ke mana-mana negeri, kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.” Mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Balasan itu ialah kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mu`jizat-mu`jizat yang membuktikan kebesaranNya); dan membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Balasan itu ialah kerana mereka menderhaka dan sentiasa melakukan pencerobohan. (al-Baqarah:61).

Dengan mengkufuri ni`mat itu dan bersikap biadab terhadap Allah dan RasulNya Nabi Musa a.s. apabila mereka berkata, “pohonlah kepada Tuhanmu untuk kami...”. Seolah-olah Allah itu Tuhan Musa sahaja, bukan Tuhan mereka juga! Itulah penganiayaan mereka terhadap diri sendiri. Maka Allah berfirman: “tidaklah mereka menganiaya Kami, tetapi sebenarnya mereka menganiaya diri sendiri”. Itu sememangnya merupakan suatu ketetapan Allah, suatu Sunnatullah. Allah berfirman menyatakan SunnahNya itu di tempat lain begini:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan amal shaleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya. (Fusshilat:46).

¹¹³ “dengan tunduk (merendahkan diri)” itu adalah terjemahan bagi perkataan سَجْدًا. Ia sama sekali tidak bererti dalam keadaan sujud seperti sujud dalam shalat. Perkataan

kami!”, niscaya kami ampunkan kesalahan-kesalahanmu dan Kami akan tambah pula (kurnia Kami) kepada orang-orang yang berbuat baik.¹¹⁴ [58]

sujud dengan erti tunduk merendahkan diri itu sememangnya ada digunakan dalam Al-Qur'an. Lihat sebagai contohnya ayat berikut:

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: dan apabila Al-Qur'an dibacakan kepada mereka, mereka tidak tunduk (merendahkan diri). (al-Insyiqaaq:21).

¹¹⁴ Setelah Bani Israil meminta supaya Musa berdoa kepada Allah memohon makanan yang disukai dan selalu dimakan mereka semasa di Mesir dahulu, dan mereka tidak bersyukur atas makanan kurniaan Allah untuk mereka di perantauan, Allah memerintahkan mereka supaya pergi menguasai Baitul Maqdis, di sana juga ada apa yang mereka minta itu. Tetapi mereka mestilah terlebih dahulu menghadapi penduduknya yang hebat dan perkasa (puak `Amaliqah). Dan jika mereka mendapat kemenangan, Allah memerintahkan agar mereka tidak sombong, sebaliknya merendahkan diri dengan berdoa kepada Allah supaya diampuniNya kesalahan-kesalahan mereka. Itulah yang disebut Allah di dalam ayat ke-58 ini. Malangnya Bani Israil tidak berani berperang dengan golongan tersebut. Di dalam beberapa ayat dari Surah al-Maa'idah Allah berfirman berhubung dengan perkara ini:

يَقَوْمُ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمَقْدَسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا عَلَى أَدْبَارِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿٥٨﴾ قَالُوا يَمُوسَى إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَدْخُلُهَا حَتَّى يَخْرُجُوا مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُوا مِنْهَا فَإِنَّا دَاخِلُونَ ﴿٥٩﴾ قَالَ رَجُلَانِ مِنَ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَنَّ اللَّهَ عَلَيْهِمَا ادْخُلُوا عَلَيْهِمُ الْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ عَلَيْهِمْ وَغُلَبَوا وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا إِنَّ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٦٠﴾ قَالُوا يَمُوسَى إِنَّا لَن نَدْخُلُهَا أَبَدًا مَا دَامُوا فِيهَا فَاذْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَتِلَا إِنَّا هَاهُنَا قَاعِدُونَ ﴿٦١﴾

Bermaksud: (Nabi Musa berkata lagi): Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya) dan janganlah kamu mundur ke belakang, (kalau kamu mundur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat). (21)

Mereka menjawab: “Wahai Musa bahawasanya di negeri itu ada kaum yang gagah perkasa, dan sesungguhnya kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar daripadanya; kemudian jika mereka keluar daripadanya, maka sesungguhnya kami akan masuk (ke negeri itu).” (22)

Berkatalah dua orang lelaki di antara orang-orang yang takut (menyalahi perintah tuhan), lagi yang telah diberi nikmat (taufik) oleh Allah kepada keduanya: “Seranglah mereka melalui pintu itu, kerana apabila kamu memasukinya maka sudah tentu kamulah orang-orang yang menang dan kepada Allah jualah hendaknya kamu berserah (setelah kamu bertindak menyerang), jika benar kamu orang-orang yang beriman.” (23).

Mereka (menolak dengan) berkata: Wahai Musa, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya; oleh

Kemudian orang-orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah Kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka).¹¹⁵ [59]

itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. sesungguhnya kami hanya duduk menanti di sini saja. (24). (al-Maa'idah:21-24).

Nabi Musa amat kecewa dengan pengikut-pengikutnya itu. Allah menggambarkan kekecewaannya melalui firmanNya selepas itu:

قَالَ رَبِّ إِنِّي لَا أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِي وَأَخِي فَافْرِقْ بَيْنَنَا وَقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Berkata (Nabi) Musa: “Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai selain daripada diriku sendiri dan saudaraku (Harun); oleh itu pisahkanlah antara kami dengan kaum yang fasik itu.” (al-Maa'idah:25).

Kerana sifat pengecut yang ditunjukkan Bani Israil dan kebiadaban mereka terhadap Allah dan RasulNya, mereka dihukum dengan kelewatan dapat masuk ke bumi yang dijanjikan untuk mereka. Bani Israil terpinga-pinga kebingungan di lembah Sinai yang kering kontang selama empat puluh tahun. Itulah yang digambarkan oleh ayat al-Maa'idah seterusnya:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتِيهُونَ فِي الْأَرْضِ فَلَا تَأْسَ عَلَى الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٦﴾

Bermaksud: Allah berfirman: “(Kalau begitu), maka sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka (memasukinya) selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (di sepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai); Maka janganlah engkau bersedih hati (memikirkan nasib) orang-orang yang fasik itu.” (al-Maa'idah:26).

Firman Allah di akhir ayat ke-58 yang bermaksud: “dan Kami akan tambah pula (kurnia Kami) kepada orang-orang yang berbuat baik”, mengisyaratkan juga kepada firmanNya di dalam ayat ke-35 Surah Qaaf berikut:

لَهُمْ مَا يَشَاءُونَ فِيهَا وَلَدَيْنَا مَزِيدٌ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Mereka beroleh apa yang mereka kehendaki di situ dan di sisi Kami ada lagi tambahannya (limpah kurnia yang tidak terlintas di hati mereka). (Qaaf:35).

¹¹⁵ Akhirnya setelah empat puluh tahun di padang pasir Sinai (Padang Tihi), Bani Israil dapat mena'luk negeri yang telah dijanjikan untuk mereka (Tanah suci di Palestin). Tetapi perangai lama mereka masih tetap ada di dalam jiwa mereka. Pesanan Allah yang tersebut pada ayat ke-58 bahawa “dan masuklah melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri) dan berdoalah (dengan) berkata: حُطَّة (Ya Allah ampunilah kesalahan kami!)” ditukar mereka dengan ucapan yang lain. Mereka pula berlaku zalim. Kerananya mereka ditimpakan oleh Allah dengan azab (bencana) dari langit. Pesanan Allah itu sebenarnya bermaksud jika mereka hendak melakukan sesuatu perkara, terutamanya yang penting, mereka hendaklah bertawakkal kepada Allah dan beristighfar kepadanya. Firman Allah:

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ۖ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْفُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۝

Dan (kenangilah) ketika (Nabi) Musa memohon air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu!”, (dia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air (sesuai dengan jumlah qabilah mereka); sesungguhnya setiap suku kaum (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing.” (Dan Kami berfirman): “Makanlah dan minumlah rezeki dari Allah itu dan janganlah kamu berselerakan di muka bumi membuat kerusakan. [60].

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ الَّذِينَ يَخَافُونَ اللَّهَ عَلَيْهِمَا ادْخُلُوا عَلَيْهِمُ الْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا ۚ إِنَّ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۝

Bermaksud: Berkatalah dua orang lelaki di antara orang-orang yang takut (menyalahi perintah tuhan), lagi yang telah diberi nikmat (taufik) oleh Allah kepada keduanya: “Seranglah mereka melalui pintu itu, kerana apabila kamu memasukinya maka sudah tentu kamulah orang-orang yang menang dan kepada Allah jualah hendaknya kamu berserah (setelah kamu bertindak menyerang), jika benar kamu orang-orang yang beriman.” (al-Maa’idah:23).

Tetapi mereka pula berkata seperti disebut Allah di dalam firmanNya ini:

قَالُوا يَمُوسَىٰ إِنَّا لَنَنُودُكَ أَبَدًا مَا دَامُوا فِيهَا فَادْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَتِلَا إِنَّا هَهُنَا قَاعِدُونَ ۝

Bermaksud: Mereka (menolak dengan) berkata: Wahai Musa, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya; oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. sesungguhnya kami hanya duduk menanti di sini saja. (al-Maa’idah:24).

Antara azab dan bencana dari langit yang ditimpakan ke atas mereka ialah mereka tidak dapat memasuki negeri suci yang dijanjikan untuk mereka selama empat puluh tahun. Allah berfirman:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتِيهُونَ فِي الْأَرْضِ فَلَا تَأْسَ عَلَى الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ۝

Bermaksud: Allah berfirman: “(Kalau begitu), maka sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka (memasukinya) selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (di sepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai); Maka janganlah engkau bersedih hati (memikirkan nasib) orang-orang yang fasik itu.” (al-Maa’idah:26).

وَإِذْ قُلْتُمْ يُوسَىٰ لَنْ نُّضِيرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِئُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلِهَا ۖ قَالَ اتَّبِعُوا لَوْ أَنَّ الَّذِينَ هُوَ آذَنٌ بِالَّذِينَ هُوَ خَيْرٌ ۖ اهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ ۖ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ ۖ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ ۖ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۖ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّبِيَّانَ مِنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلُوا صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ ۖ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٧﴾ وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ ۖ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ ۖ وَادْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١١٨﴾ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ ۖ فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١١٩﴾

Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: Wahai Musa, kami tidak tahan lagi makan sejenis makanan sahaja (Manna dan Salwa);¹¹⁶ kerana itu pohonlah kepada Tuhanmu untuk kami, agar Dia mengeluarkan untuk kami tumbuh-tumbuhan bumi berupa sayur-sayurannya, mentimunnya, gandumnya, kacang dalnya dan bawangnya.” Jawab Musa: Adakah kamu mahu menukarkan kehidupan yang hina dengan kehidupan yang lebih baik? Pergilah ke mana-mana negeri, kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.” Mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kemiskinan¹¹⁷ dan sudah sepatutnya

¹¹⁶ Mann ialah sejenis makanan yang manis pekat macam madu. Ia turun dari langit seperti embun, dan jatuh ke atas batu. Salwa pula sejenis burung macam puyuh.

¹¹⁷ di zaman berkenaan, bukan sepanjang masa. Kerana Allah berfirman:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَقَوْمِ ۖ اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنْبِيَاءَ وَجَعَلَكُمْ مُلُوكًا وَءَاتَاكُمْ مِمَّا لَمْ يُوْتِ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud; Dan (ingatkanlah mereka wahai Muhammad), ketika (Nabi) Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Kenangilah nikmat Allah kepadamu, ketika Dia menjadikan dalam kalanganmu beberapa orang Nabi dan Dia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan kuncu-kuncunya) dan Dia memberikan kepadamu apa yang tidak pernah diberikan kepada seseorang pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu). (al-Maa'idah:20).

Kemiskinan yang tersebut di dalam ayat ini tidak semestinya bererti mereka menjadi papa kedana dan tidak memiliki apa-apa selama-lamanya. Perkataan المسكنة dalam bahasa `Arab boleh juga bererti tidak mempunyai harta yang mencukupi, walaupun ada juga sedikit sebanyak hartanya. Ini berdasarkan firman Allah berikut:

mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Balasan itu ialah kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mu'jizat-mu'jizat yang membuktikan kebesaranNya); dan membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Balasan itu ialah kerana mereka menderhaka dan sentiasa melakukan pencerobohan.¹¹⁸ [61].

Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Shabi'in, siapa saja di antara mereka itu yang benar-

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Adapun perahu itu maka ia adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut; aku membocorkannya dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap buah perahu (yang tidak cacat). (al-Kahfi:79).

¹¹⁸ Penderhakaan dan pencerobohan mereka yang berterusan telah mendorong mereka membunuh para nabi dan melakukan apa yang telah mereka lakukan. Ia bersesuaian dengan firman Allah:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَقُومُ لِمَ تُؤْذُونَنِي وَقَدْ تَعْلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah peristiwa) ketika (Nabi) Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Mengapa kamu menyakitiku, sedangkan kamu mengetahui bahawa sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepadamu?” Maka bila mereka menyeleweng (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah selewengkan hati mereka (dari mendapat petunjuk), dan sememangnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasik (derhaka). (as-Shaf:5).

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ ۖ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١٦٥﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya) dan dia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan Neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. (an-Nisaa':115).

benar beriman kepada Allah, hari kemudian dan beramal shaleh,¹¹⁹ mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka, tiada lagi sebarang ketakutan kepada mereka, dan mereka juga tidak akan berdukacita.¹²⁰ [62].

¹¹⁹ sesuai dengan Syari'at Islam yang mulia dan Sunnah Nabi s.a.w. Kerana Allah telah berfirman:

اَتَّبِعُوا مَا أَنزَلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Turutlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin selainNya; (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. (al-A'raaf:3).

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari kiamat dan dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah. (al-Ahzaab:21).

¹²⁰ terhadap apa yang terlepas dari mereka di dunia, kerana tidak ada satu pun pahala bagi amalan baik yang telah mereka kerjakan di dunia terlepas dari mereka di akhirat. Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَن أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Sesungguhnya mereka yang beriman dan beramal shaleh, tentulah Kami tidak akan menyalakan pahala orang-orang yang mengerjakan amalannya dengan baik. (al-Kahfi:30).

Di dalam al-Qur'an Allah telah beberapa kali membuat kenyataan berupa jaminan kepada orang-orang atau golongan-golongan manusia tertentu bahawa "tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita". Siapakah mereka dan di dalam surah-surah manakah ia disebutkan? Di bawah ini dikemukakan ayat-ayat berkenaan beserta terjemahan, nama surah dan ayat ke berapanya:

(1) قُلْنَا أَهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا فِيمَا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Kami berfirman lagi: Turunlah kamu semuanya dari Syurga itu! Kemudian jika datang kepadamu petunjuk daripadaKu (melalui Rasul-rasul dan Kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjukKu itu niscaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. (al-Baqarah:38).

(2) إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئِينَ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Shabi'in, siapa saja di antara mereka itu yang benar-benar beriman kepada Allah, hari kemudian dan beramal shaleh,¹²⁰ mereka akan

Dan (kenangilah), ketika Kami mengadakan perjanjian denganmu (supaya berpegang teguh dengan ajaran-ajaran agama) dan Kami angkat gunung (Thursina) ke atasmu¹²¹ (sambil berfirman): “Peganglah teguh-teguh apa yang

(8) إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئُونَ وَالْأَنْصَارِيُّ وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلُوا صَالِحًا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٨﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Saabiein dan orang-orang Nasrani sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah (dan segala RasulNya meliputi Nabi Muhammad s.a.w) dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal shaleh, maka tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Al-Maa'idah:69).

(9) وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٩﴾

Bermaksud: Dan tiadalah Kami utuskan Rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal shaleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka tidak akan berdukacita. (al-An'aam:48).

(10) يَبْقَىٰ ءَادَمَ إِمَامًا يَأْتِيَنَّكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَاتِي فَمَنِ اتَّقَىٰ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: Wahai anak-anak Adam! Jika datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu yang menceritakan kepada kamu ayat-ayat (perintah) Ku, maka sesiapa yang bertaqwa dan memperbaiki amalnya, tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. (al-A'raaf:35).

(11) أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. (62)

(Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa. (63). (Yunus:62-63).

(12) إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. (al-Ahqaaf:13).

¹²¹ sehingga ia benar-benar berada di atas kepala-kepalamu, sesuai dengan firman Allah ini:

Kami berikan kepadamu¹²² dan ingatlah selalu apa yang ada di dalamnya, agar kamu bertaqwa.” [63].

Kemudian kamu berpaling setelah (adanya perjanjian) itu, kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya atasmu, niscaya kamu berada di dalam golongan orang-orang yang benar-benar rugi.¹²³ [64].

وَإِذْ تَنْقُضُ الْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُ ظُلَّةٌ وَظَنُّوا أَنَّهُ وَاقِعٌ بِهِمْ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Kami mengangkat gunung (Tursina) ke atas mereka (Bani Israil) seolah-olah gunung itu awan (yang menaungi mereka) dan mereka yakin bahawa gunung itu akan jatuh menimpa mereka. (Dan Kami katakan kepada mereka): “Peganglah dengan teguh apa (Kitab Taurat) yang telah Kami berikan kepadamu, dan ingatlah selalu (amalkanlah) apa yang terkandung di dalamnya, supaya kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa.” (al-A`raaf:171).

¹²² Di sini tidak disebutkan dengan terang apa yang diberikan kepada mereka dan diperintahkan mereka supaya berpegang teguh dengannya itu, tetapi ia disebutkan di dalam firman Allah berikut:

وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Dan (kenangilah) ketika Kami kurniakan kepada Musa Al-Kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan), supaya kamu mendapat petunjuk. (al-Baqarah:53).

¹²³ di sisi Allah pada hari pembalasan kelak. Kerana Allah berfirman:

فَاعْبُدُوا مَا شِئْتُمْ مِنْ دُونِهِ قُلْ إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ وَأَهْلِيَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَلَا ذَلِكَ هُوَ الْخَسِرَانُ ﴿٥٤﴾

Bermaksud: (Setelah kamu mengetahui pendirianku ini wahai kaum musyrik dan kamu masih juga berdegil) maka sembahlah kamu apa yang kamu kehendaki, yang lain dari Allah, (kamu akan mengetahui akibatnya). Katakanlah lagi: Sesungguhnya orang-orang yang rugi (dengan sebenar-benarnya) ialah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri dan pengikut-pengikutnya pada hari kiamat (dengan sebab perbuatan mereka memilih kekufuran atau kederhakaan). Ingatlah, yang demikian itulah kerugian yang nyata.